

Bil. S 24

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2004/2005) (BIL. 4), 2005

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 22/04) bertarikh 8 haribulan Mac, 2004 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuatkuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Fasal (5) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat semua peruntukan kewangan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat ribu, empat ratus dua puluh satu juta, satu ratus lapan ribu dan lima puluh ringgit (\$4,421,108,050.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan (2004/2005), 2004 (S 34/04);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang tiga puluh sembilan juta, lima ratus dua puluh enam ribu, satu ratus sembilan puluh empat ringgit dan lima puluh lapan sen (\$39,526,194.58) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2004/2005) (Bil. 1), 2004 (S 68/04);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua puluh lapan juta, tujuh ratus sembilan puluh sembilan ribu, satu ratus lapan puluh lapan ringgit dan lima sen (\$28,799,188.05) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2004/2005) (Bil. 2), 2004 (S 86/04);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang sembilan belas juta, lima ratus lapan puluh satu ribu, dua ratus tiga puluh lapan ringgit (\$19,581,238.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2004/2005) (Bil. 3), 2005;

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak sembilan belas juta, dua ratus tiga puluh lapan ribu, sembilan ratus enam puluh ringgit dan enam puluh tujuh sen (\$19,238,960.67);

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh Fasal-Fasal (3) dan (5) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2004/2005) (Bil. 4), 2005.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2004/2005, peruntukan dan penggantian jumlah wang yang dipinjamkan dari Kumpulanwang Luarjangka.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi sembilan belas juta, dua ratus tiga puluh lapan ribu, sembilan ratus enam puluh ringgit dan enam puluh tujuh sen (\$19,238,960.67) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2004/2005, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Perintah Perbekalan (2004/2005), 2004 (S 34/04), Perintah Perbekalan Tambahan (2004/2005) (Bil. 1), 2004 (S 68/04), Perintah Perbekalan Tambahan (2004/2005) (Bil. 2), 2004 (S 86/04) dan Perintah Perbekalan Tambahan (2004/2005) (Bil. 3), 2005 adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Wang ini adalah diperuntukkan bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual.

(3) Penggantian jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang ketiga bagi jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang keempat dari Jadual ialah jumlah wang yang dipinjamkan dari Kumpulanwang Luarjangka yang diadakan di bawah ceraian (1) bab 10 dari Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan) adalah dengan ini dibenarkan.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JADUAL

[1]	[2]	[3]	[4]
Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan kepada Tajuk	Penggantian Pinjaman dari Kumpulanwang Luarjangka
JABATAN PERDANA MENTERI			
SA01A	Jabatan Perdana Menteri	\$336,000.00	\$336,000.00
SA04A	Biro Kawalan Narkotik	\$393,753.00	\$393,753.00
SA06A	Jabatan Keselamatan Dalam Negeri	\$3,900,000.00	\$3,900,000.00
SA07A	Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara	\$262,363.00	\$262,363.00
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI			
SE06A	Pejabat Daerah Brunei dan Muara	\$72,198.88	\$72,198.88
KEMENTERIAN KESIHATAN			
SM02A	Jabatan Perkhidmatan Perubatan	\$14,194,646.19	\$14,194,646.19
SM03A	Jabatan Perkhidmatan Kesihatan	\$79,999.60	\$79,999.60
		<u>\$19,238,960.67</u>	<u>\$19,238,960.67</u>

Diperbuat pada hari ini 27 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1426 bersamaan dengan 7 haribulan April, 2005 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bil. S 25

**AKTA KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT TERKAWAL
(PENGAL 147)**

PERINTAH TEMPAT TERKAWAL, 2005

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai (1) bab 5 dari Akta Kawasan Terkawal dan Tempat Terkawal, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Tempat Terkawal, 2005.

Pengisytiharan tempat terkawal.

2. Tempat-tempat atau premis yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual yang diterangkan dengan lebih khusus dalam pelan-pelan yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual yang disimpan di dalam pejabat Juruukur Agung, adalah dengan ini diisytiharkan sebagai tempat-tempat terkawal bagi maksud-maksud Akta tersebut.

Pihak berkuasa.

3. Pihak-pihak berkuasa yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual adalah pihak-pihak berkuasa yang akan memberikan kebenaran untuk memasuki tempat-tempat atau premis itu masing-masing.

JADUAL

Tempat	Nombor Pelan	Pihak berkuasa
1. Jabatan Penjara Kampung Maraburong, Mukim Keriam, Daerah Tutong.	MP020004TU bertarikh 13 haribulan Ogos, 2002	Pengarah Penjara
2. Biro Kawalan Narkotik JKR 372, Simpang 172, Jalan Sungai Basong, Daerah Tutong.	MP020001TU bertarikh 6 haribulan Februari, 2002	Pengarah Biro Kawalan Narkotik
3. Biro Kawalan Narkotik No. 8/91, Simpang 27, Jalan Maulana, Daerah Belait.	MP020002KB bertarikh 1 haribulan April, 2002	Pengarah Biro Kawalan Narkotik

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Diperbuat pada hari ini 13 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1426 bersamaan dengan 24 haribulan Mac, 2005.

**PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA BAKTI DIRAJA DATO LAILA UTAMA
HAJI AWANG ISA BIN PEHIN DATU PERDANA MANTERI
DATO LAILA UTAMA HAJI AWANG IBRAHIM
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.**